

**PENUTUPAN LALUAN SMART LANE DARI KULAI KE SEDENAK
(KM26.7 HINGGA KM33.7 ARAH UTARA) DI LEBUHRAYA PLUS BAGI
KERJA-KERJA PENAMBAHAN LORONG**

Petaling Jaya, 19 Julai 2025 – Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan bagi menambah baik infrastruktur lebuhraya, PLUS Malaysia Berhad (PLUS) akan menutup laluan Smart Lane dari Kulai ke Sedenak di KM26.7 hingga KM33.7 (Arah Utara) bermula 21 Julai 2025. Penutupan ini adalah bagi memberi laluan kepada pelaksanaan kerja-kerja penambahan lorong di kawasan tersebut.

Sepanjang tempoh kerja-kerja dijalankan, dua lorong sedia ada di lokasi terlibat dibuka seperti biasa bagi mengekalkan aliran trafik dan meminimumkan gangguan kepada pengguna lebuhraya. Sementara itu, laluan Smart Lane dari Senai ke Kulai di KM19.0 hingga KM26.7 (Arah Utara) akan beroperasi seperti biasa.

Pengguna lebuhraya digalakkan untuk merancang perjalanan mereka dengan menggunakan Aplikasi PLUS bagi mendapatkan maklumat trafik terkini. Pengguna juga diingatkan supaya mematuhi semua papan tanda dan arahan yang dikeluarkan oleh petugas PLUS ketika melalui kawasan kerja-kerja pembinaan tersebut.

Untuk maklumat trafik semasa dan bantuan, pengguna boleh merujuk kepada Pembantu Maya - PUTRI, X@plustrafik, papan tanda elektronik (VMS) di lokasi-lokasi terpilih, atau menghubungi PLUSLine di 1800-88-0000 sekiranya berlaku kecemasan.

PLUS menghargai kesabaran dan kerjasama semua pengguna lebuhraya sepanjang tempoh pelaksanaan kerja ini demi keselamatan, penyelesaian dan kemudahan semua.

-TAMAT-

PERTANYAAN MEDIA:

Mashitah Mohd Arshad Pemangku Ketua Komunikasi Korporat PLUS Malaysia Berhad Telefon Bimbit: 013-2097092 Emel: mashitah@plus.com.my	Rofina Adam Pengurus Komunikasi Korporat PLUS Malaysia Berhad Telefon Bimbit: 012-657 4452 Emel: rofina@plus.com.my
---	---